



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)  
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI PELAJARAN KANAN (G.15)  
JABATAN KENAZIRAN SEKOLAH-SEKOLAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian  
semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI PELAJARAN KANAN  
JABATAN KENAZIRAN SEKOLAH-SEKOLAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
G.15 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Chemistry* / Pendidikan / *Secondary Science* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan sebagai Pegawai Pelajaran atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.14 / G.13 / B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat di dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.14 / G.13 / B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**ATAU**

2. a) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.12 / G.11 / B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

**ATAU**

- b) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.12 / G.11 / B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

3. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

4. Berkebolehan dan berkeyakinan untuk menilai dan menasihati tenaga pengajar dan pentadbir sekolah serta institusi pendidikan.



5. Menunjukkan sifat-sifat kepimpinan, inovatif dan proaktif dalam melaksanakan tugas.
6. Berpengetahuan dan berpengalaman mengendalikan kursus, bengkel atau seminar berkaitan dengan mata pelajaran *Secondary Science* dan *Chemistry*.
7. Berkebolehan merancang, menyediakan kertas kerja dan mengendalikan kaji selidik adalah satu kelebihan.
8. Berpengetahuan yang luas tentang sistem pendidikan negara dan antarabangsa pedagogi dan amalan-amalan terbaik dalam aspek pembelajaran dan pengajaran, khususnya dalam mata pelajaran *Secondary Science* dan *Chemistry*.
9. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menyelia, menilai, membimbing dan menasihati para pengajar dan pentadbir sekolah atau institusi pendidikan berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran semua mata pelajaran serta sahsiah para pelajar;
2. Menyediakan laporan hasil dari penyeliaan, penilaian dan pemantauan yang dikendalikan di sekolah yang terlibat;
3. Mengendalikan dan menyelia kursus-kursus atau bengkel serta merancang dan melaksanakan kaji selidik dalam bidang mata pelajaran terutama bagi mata pelajaran yang berkaitan;
4. Memantau pelaksanaan dasar-dasar, projek-projek dan program-program Kementerian Pendidikan yang berjalan di sekolah-sekolah dari semasa ke semasa; dan
5. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.